

PEMAKLUMAN PEMBATALAN BEBERAPA PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM (PPA) YANG TELAH DIJADUALKAN BAGI TAHUN 2021

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi ataupun **'total lockdown'** Fasa Pertama bagi tempoh 14 hari bermula **1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021** untuk mengekang penularan wabak COVID-19 di Malaysia.

3. Selaras dengan keputusan Kerajaan tersebut, Urus Setia Peperiksaan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah bersetuju untuk membatalkan beberapa peperiksaan bagi tahun 2021 seperti berikut:

BIL	NAMA PEPERIKSAAN	KOD	TARIKH PEPERIKSAAN	STATUS TERKINI	CATATAN
1	PEPERIKSAAN KHAS UNTUK MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI TADBIR GRED N41				
	BAHAGIAN A	2001A	09.06.2021 (RABU)	DIBATALKAN	CALON DIMOHON UNTUK MEMBUAT PERMOHONAN BAGI PEPERIKSAAN TAHUN 2022
	BAHAGIAN B	2001B	09.06.2021 (RABU)		
	BAHAGIAN C	2001C	10.06.2021 (KHAMIS)		
2	PEPERIKSAAN BAGI BAYARAN INSENTIF TUGAS PENGURUSAN STOR (BITPS) BAGI PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI)				
	BAHAGIAN A	8001A	23.06.2021 (RABU)	DIBATALKAN	CALON DIMOHON UNTUK MEMBUAT PERMOHONAN BAGI PEPERIKSAAN TAHUN 2022
3	PEPERIKSAAN KHAS UNTUK KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV30				
	BAHAGIAN A	3005A	29.06.2021 (SELASA)	DIBATALKAN	CALON DIMOHON UNTUK MEMBUAT PERMOHONAN BAGI PEPERIKSAAN TAHUN 2022
	BAHAGIAN B	3005B	29.06.2021 (SELASA)		
	BAHAGIAN C	3005C	30.06.2021 (RABU)		

BIL	NAMA PEPERIKSAAN	KOD	TARIKH PEPERIKSAAN	STATUS TERKINI	CATATAN
4	UJIAN IT SKILLS ASSESSMENT AND CERTIFICATION (ISAC)				
	ISAC - SIRI 4 (PUSAT PEPERIKSAAN JPA, PUTRAJAYA)	-	14.06.2021 (ISNIN)	DIBATALKAN	CALON DIMOHON UNTUK MEMBUAT PERMOHONAN SEMULA PEPERIKSAAN ISAC UNTUK SIRI PEPERIKSAAN YANG AKAN DATANG

4. Sebarang perubahan tarikh peperiksaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada saranan oleh pihak Kerajaan dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19. Rujuk Jadual Peperiksaan Perkhidmatan Awam yang telah dimuatnaik di laman sesawang <http://www.kompetensi.jpa.gov.my> dan <http://isac.intan.my/isac/> untuk maklumat bagi peperiksaan-peperiksaan yang lain.

5. Segala kerjasama daripada pihak tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

**Urus Setia Peperiksaan Perkhidmatan Awam
Sektor Penilaian Kompetensi
Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia**

1 Jun 2021